

Sebahagian orang nampaknya “mengagug-agungkan” fahamannya dengan luas sehingga mereka memandang tidak ada Tuhan semuanya daripada kejadian biasa yang berasaskan kepada kebendaan jua tetapi apabila orang yang bersuara demikian itu hendak kahwin maka ia pergi kepada imam dan di hadapan imam ia mengaku taubat dengan mengucapkan istighfar. Sebab inilah barangkali Al-Fadhil Kiyai Fadlullah Suhaimi di dalam karangannya memberi ingat tatkala menerima menantu hendaklah diselidik dahulu adakah bakal suami anaknya atau menantunya itu orang yang bertuhan atau tidak supaya ia jangan tertipu mengahwinkan anaknya kepada orang yang murtad.

Pendapatan kita kalau mereka sebenarnya tidak mahu menerima adanya Tuhan jangan sama sekali mengikut ajaran Islam dan carilah jodohnya sama-sama orang-orang yang tidak bertuhan atau orang-orang murtad. Jangan mahu lagi nikah di hadapan Tuan Kadi. Berterus-terang bukankah lebih baik daripada bersembunyi dan berani di tepi-tepi sahaja?

-----\*-----\*-----

A. Abdul Rahim Ibrahim, menurut siaran akhbar telah berucap dengan keras menyatakan bahawa surat akhbar-surat khabar, majalah-majalah, Melayu dan buku-buku Melayu semuanya karut - tidak ada isi dan jalan bahasanya pun karut. Ia “pukul borong” menyatakan semuanya karut! Manakah buah tangan A. Abdul Rahim yang tidak karut yang telah tersiar dengan luasnya di dalam alam persuratan Melayu ini? Berapa banyakkah buah tangannya “yang bersih” yang telah disiarkannya? Sudahkah ia membuat jasa seperti A. Za’ba, Dato’ Haji Muhammad Said, Haji Muhammad bin Dato’ Muda Linggi dan lain-lainnya? Kalau belum cergas membuat jasa jangan berani menuduh orang!



**KOPI PAHIT**

Musim kahwin nampaknya sedang luas berlaku sekarang. Orang-orang yang miskin berhutang berbareh kerana mengahwinkan anaknya; yang kaya menunjukkan kekayaan berkenduri-kendara menjemput sehingga beribu-ribu orang. Selain daripada itu mereka mengadakan pula joget, permainan-permainan dan sebagainya dan setengah-setengahnya di dalam perayaan itu menyiapkan minuman keras yang memabukkan. Yang demikian nampaknya dilakukan juga oleh sebahagian orang-orang Arab yang hartawan yang pada masa dahulu datuk neneknya membawa pengajaran Islam ke mari - memberi penerangan dan suluh supaya orang-orang suka dan taat kepada pelajaran Islam.

Orang-orang yang berbuat ini - yakni yang telah membazirkan hartanya kepada jalan yang setengahnya membawa asi jika diminta sedikit hartanya untuk kebajikan, untuk mengadakan rumah miskin, membina kepada masyarakat Islam - ia berkat ia tidak ada wang dan khairatnya sudah banyak tetapi kepada pekerjaan membazir dan asi ia lebih mudah

mengeluarkannya. Orang-orang Arab

terutamanya al-Awliyun lupa pula tanggungannya kepada masyarakat Islam - lupakah mereka kepada hadis yang

maksudnya: “Apabila jatuh Arab maka jatuhlah Islam?”

-----\*-----\*-----

Orang-orang Melayu ialah orang yang banyak sekali menjawab jawatan polis sama ada di Federation atau di Singapura. Tetapi sedikit benar daripada mereka itu - terutamanya di Singapura yang menjawab jawatan-jawatan yang tinggi! Tidak diketahui mengapa sebabnya tetapi ada lagi seperkara lain tidak menyedapkan iaitu nampaknya telah dua rombongan pegawai-pegawai polis yang kanan yang dihantar dari Singapura ke England! Ini bagus tetapi di antara yang pergi itu tidak ada seorang pun orang Melayu dari Singapura. Adakah sebabnya mereka tidak layak atau dikebelakangkan? Adakah ini didasarkan melebihkan orang-orang yang berasal dari negeri lain dan orang Melayu dikebelakangkan? - cemeti Al-Farouk.